

—Menjayakan projek2 raksasa: PNB dan MPH, misalnya, boleh bergabung

Usahasama niaga Melayu dan Cina, perlu

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, menyarankan usahasama-usahasama dibidang perniagaan antara para usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera bagi memperluas dan mempertingkatkan tahap ekonomi negara.

Usahasama begitu bukan saja memastikan projek-projek besar dapat dilaksanakan, tetapi usahawan bukan Bumiputera juga dapat membantu kerajaan menjayakan Dasar Ekonomi Baru, katanya.

Berucap merasmikan Konvensyen MCA Negeri Johor, pagi tadi, Datuk Musa yang juga Pengerusi Barisan Nasional Negeri, menegaskan kaum Cina sendiri khususnya telah banyak mendapat menafaat dari DEB.

"DEB, secara tidak langsung, telah menukar bentuk perniagaan orang-orang Cina dari perniagaan kekeluargaan kepada perniagaan bersyarikat.

"DEB cuba mendorong orang Melayu mengisi kekosongan dibidang perniagaan dengan mengadakan perniagaan bersyarikat menerusi agensi-agensy kerajaan dan cara ini tidak

Oleh
KHAIRUDDIN HASSAN
JOHOR BAHRU, Sabtu

dapat dinafikan telah menarik minat dan terus dicontohi oleh orang Cina.

"Dengan keadaan yang wujud sekarang timbul berbagai kemungkinan untuk diadakan usahasama-usahasama di antara kedua-dua pihak itu bagi menjalakan perniagaan yang lebih besar.

"Permodalan Nasional (PNB), misalnya, boleh bergabung tenaga dan kepakaran dengan Multipurpose Holdings Berhad MCA untuk menjalankan projek-projek raksasa," jelas Datuk Musa.

Usahasama seumpama itu, tegas Datuk Musa, akan merapatkan hubungan dan memperluaskan pengetahuan dan kepakaran perniagaan di kalangan masyarakat keseluruhannya.

Jambah beliau, tidak dapat dinafikan para usahawan Bumiputera masih memerlukan kepakaran terlatih, berasaskan sistem perniagaan moden orang-orang Cina.

dalam usaha mengisi kekosongan orang-orang Melayu dalam perniagaan kecil atau runcit, Datuk Musa berkata, kerajaan sedang mengkaji untuk mengadakan kursus-kursus da-

lam bidang berkenaan untuk kakitangan rendah kerajaan.

"Walaupun laporan mengenai rancangan itu sedang disiapkan, kerajaan bercadang untuk mengadakan kursus-kursus dalam perkhidmatan antara tiga minggu hingga tiga bulan untuk budak pejabat, kerani dan pegawai-pegawai rendah kerajaan antara tiga minggu hingga tiga bulan.

"Selepas kursus tersebut, siapa yang berminat untuk berniaga akan dilepaskan dari perkhidmatan kerajaan manakala yang tidak boleh, meneruskan perkhidmatan mereka dengan kerajaan," kata Datuk Musa.

Kaum Cina, khususnya MCA, boleh membantu kerajaan dengan mengadakan kursus-kursus bersama MCA-UMNO bagi mewujudkan lebih ramai peniaga kecil yang sememangnya penting bagi negara.

Datuk Musa menegaskan segala usaha kerajaan membantu Bumiputera dalam perniagaan bukanlah untuk menghapuskan kaum Cina, tetapi hanyalah untuk mengisi kekosongan yang ada di kalangan Bumiputera dibidang tersebut.

Kita tidak mahu segolongan masyarakat saja yang menikmati kemakmuran kerana ini akan menimbulkan rasa takut, iri hati dan sakit hati di kalangan rakyat.